

INDUSTRI PERFILEMAN TEMPATAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA:  
KUANTITI DAN KUALITI.  
SATU KAJIAN (1957 - 1990)

Oleh:

AZRIAH BINTI ISMAIL  
R. ISMAIL BIN BABA  
ROHYZAM BIN KADIR  
ROSNAH BINTI ROSLAN  
SAMIDIAH BINTI MOHD DIAH

Kertas Projek yang dikemukakan kepada  
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang  
Institut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor  
Untuk memenuhi sebahagian dari syarat untuk  
memperolehi Diploma Pentadbiran Awam

Mei 1988

## ISI KANDUNGAN

### PERKARA

### MUKA SURAT

#### PROFOSAL.

|    |                                         |     |
|----|-----------------------------------------|-----|
| A. | Pendahuluan                             | i   |
| B. | Objektif                                | i   |
| C. | Hipotesis                               | iii |
| D. | Skop                                    | iv  |
| E. | Kaedah                                  | v   |
| F. | Halangan-halangan Yang Mungkin dihadapi | vi  |
| G. | Jangkamasa                              | vii |
| H. | Anggaran Perbelanjaan.                  | iix |

|               |    |
|---------------|----|
| SEKAPUR SIREH | ix |
|---------------|----|

|             |    |
|-------------|----|
| PENGHARGAAN | xi |
|-------------|----|

|                    |     |
|--------------------|-----|
| SENARAI ILLUSTRASI | xii |
|--------------------|-----|

### TAJUK-TAJUK KERTAS PROJEK

|      |                                             |    |
|------|---------------------------------------------|----|
| 1.   | Pengenalan                                  | 1  |
| 2.   | Sinopsis                                    | 2  |
| 3.   | Industri Perfileman Di Semenanjung Malaysia | 3  |
| 3.1. | Sejarah.                                    | 8  |
| 3.2. | Perkembangan                                | 11 |
| 4.   | Finas                                       | 25 |
| 4.1. | Peranan                                     | 25 |
| 4.2. | Sumbangan                                   | 27 |

## 1. PENGENALAN

Industri Perfileman di Semenanjung Malaysia pada masa kini bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan berbanding pada tahun-tahun 50an dan 60an lalu iaitu ketika zaman kegemilangan filem-filem Melayu terutamanya di bawah arahan Allahyarham P. Ramlee.

Apa yang dapat dinyatakan, pada masa kini, dari segi kualiti-nya terdapat sedikit peningkatan jika dibandingkan dengan filem-filem dahulu meskipun pada hakikat sebenarnya kualiti filem yang dihasilkan adalah bergantung penuh kepada keupayaan mengarah serta teknologi pada masa tersebut. Ditinjau dari segi kuantiti filem-filem yang dihasilkan setiap tahun adalah berkurangan sekali berbanding dengan masa-masa lampau di mana dalam setahun lebih daripada tiga buah filem dapat dihasilkan.

Dalam memajukan industri perfileman sebuah Badan telah ditubuhkan khas untuk tujuan tersebut iaitu Perbadanan Filem Nasional (FINAS) dalam membantu mempertingkatkan industri perfileman tempatan supaya ia dapat wujud menjadi sebagai salah satu sumber kewangan yang dapat membantu negara sepertimana perusahaan-perusahaan lain yang dimajukan yang terdapat dalam negara.

## 2. SINOPSIS

Kajian ini adalah untuk meninjau mengenai industri perfileman tempatan di Semenanjung Malaysia khususnya mengenai kualiti dan kuantitinya. Perkembangannya hingga kini juga diberi perhatian yang serius untuk mengenalpasti apakah industri perfileman tempatan kita masa kini semakin meningkat ataupun menuju arah kemerosotan.

Peranan Perbadanan Filem Nasional (FINAS) juga diberi penekanan dalam kajian ini untuk mendapatkan pandangan yang jelas mengenai peranan dan sumbangannya dalam membantu meningkatkan industri perfileman tempatan.

Di samping itu juga masalah-masalah yang timbul sama ada dari segi persaingan, kelemahan-kelemahan, sambutan dan sebagainya juga adalah dikaji untuk mendapatkan satu rumusan mengenai kedudukan industri perfileman tempatan pada masa kini juga terhadap ramalan dimasa-masa yang akan datang.

### 3. INDUSTRI PERFILEMAN TEMPATAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Industri perfileman Melayu di Malaysia telah menempuh satu zaman yang panjang. Ia bermula sebelum perang dunia yang kedua lagi sehingga mencapai zaman kegemilangan sekitar tahun-tahun lima puluhan. Tetapi satu dekad kemudiannya, bermulalah satu zaman kemerosotan sebelum kegemilangan dan kebangkitan semula bertunas sekitar tahun-tahun tujuh puluhan dan lapan puluhan.

Demikianlah sejarah jatuh bangunnya filem-filem Melayu hingga sekarang. Di tengah-tengah kemuncak kegemilangan perusahaan industri filem Melayu sekitar lima puluhan yang pada masa itu berpusat di Studio Jalan Ampas, Singapura, berlaku pula satu perkembangan lain yang benar-benar memberangsangkan. Apa yang dimaksudkan itu ialah berlakunya kebanjiran kemasukan filem-filem Melayu di pawagam-pawagam di Republik Indonesia. Sekitar tahun 50-an itu banyak filem-filem Malaysia terutamanya yang diarahkan dan dilakonlayarkan oleh seniman agung negara, Allahyarham P. Ramlee dibawa masuk ke sana.

Bukan setakat itu sahaja malahan mendapat tempat dan sambutan pula di kalangan penonton-penonton tempatan di sana. Tetapi apabila berlaku zaman kemerosotan filem-filem Melayu dalam